

PKR tolak calon semula Dr Mahathir

BH - 20/6/2020 ml: 15

MPP parti mahu kekalkan Anwar sebagai Perdana Menteri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: PKR menolak cadangan Tun Dr Mahathir Mohamad mencalonkan semula dirinya sebagai Perdana Menteri bagi mewakili kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Perkara itu diputuskan pada mesyuarat khas Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR bersama Ahli Parlimen PKR yang berlangsung, semalam.

Dalam satu kenyataan, parti

itu memaklumkan kekal dengan konsensus dicapai PH untuk mencalonkan Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri.

“PKR tetap terbuka untuk berbincang dengan semua pihak termasuk Dr Mahathir demi usaha menyelamatkan Malaysia dan mengembalikan mandat rakyat ke tempatnya.

“Bagaimanapun, parti memutuskan untuk tidak menyokong cadangan mencalonkan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan kekal dengan konsensus PH mencalonkan Anwar sebagai Perdana Menteri,” katanya.

Kenyataan itu berkata, PKR menghargai usul dan usaha DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH) yang secara konsisten menyokong pencalonan Anwar sebagai calon Perdana Menteri.

“PKR mengambil kira pandangan semua pihak dalam mencari jalan terbaik mempertahankan kebijakan rakyat dan membawa keadilan untuk semua rakyat.

“Permasalahan berbangkit apabila Dr Mahathir berpendirian mahu kembali buat kali ketiga sebagai Perdana Menteri,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, PKR juga akan terus menumpukan tenaga dan bersiap siaga menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) mengejut yang mungkin dipanggil pada bila-bila masa.

“PKR komited untuk terus mengukuhkan PH dan akan meneruskan usaha menggembeng tenaga dari semua pihak yang sefahaman untuk mengembalikan mandat rakyat ke tempatnya dalam masa terdekat,” katanya.